


Cerita-cerita Nasihat

daripada

Peribahasa Tionghua



Ho Nee Yong

AGENTS' DIGEST (M) SDN BHD

Cerita-cerita Nasihat

daripada

Peribahasa Tionghua



江苏工业学院图书馆
藏书章



AGENTS' DIGEST (M) SDN. BHD.

© Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau ditukarkan dalam sebarang bentuk atau dengan alat apa juapun, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran daripada pemilik Hakcipta terlebih dahulu.

Cetakan pertama August 1997

Cetakan kedua September 1997

Cetakan ketiga October 1997

Cetakan keempat November 1997

Cetakan kelima January 1998

Diterbit oleh:

AGENTS' DIGEST (M) SDN. BHD.

Company No: 178442P

No. 47, Jalan Alam Jaya 17,

Taman Alam Jaya,

43200 Cheras Bt 8,

Selangor.

Tel: 03-9068687

Fax: 03-9060988

Dicetak oleh: Percetakan Berpadu Sdn. Bhd.

ISBN 983-71-0618-2

CODE 08 - 0618-2

Prakata

Kebanyakan peribahasa Tionghua merangkumi empat patah perkataan yang jelas makna dan pengajaran moral yang tersembunyi di sebaliknya. Peribahasa-peribahasa ini membayangkan ciri-ciri , nilai dan falsafah orang-orang Tionghua semenjak beribu-ribu tahun yang lampau. Setiap peribahasa ini juga mengandung ilustrasi yang jelas dan menarik .

Buku cerita ini disusun untuk diperkenalkan kepada para guru dan pelajar , khususnya mereka yang tidak berpeluang membaca peribahasa-peribahasa tersebut dalam bahasa Cina agar mereka dapat mengetahui kebudayaan , adat resam dan sejarah Cina secara lebih mendalam . Ia juga merupakan sebuah buku bacaan tambahan yang akan memotivasikan pelajar-pelajar di sekolah rendah dan menengah untuk belajar dengan lebih tekun.

Cerita-cerita berkenaan juga sangat sesuai dalam pembinaan sahsiah pelajar khususnya dalam merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Negara . Justeru , ia boleh digunakan sebagai bahan rujukan dan tambahan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral.

Buku ini akan memperkayakan khazanah ilmu tempatan dan sesuai untuk setiap lapisan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum di negara kita . Pada hakikatnya, buku ini perlu dimiliki oleh setiap guru , pelajar dan orang perseorangan untuk memperluaskan visi mereka.

- Penyusun -

Isi Kandungan

Badan kambing dibaluti kulit harimau	7
Baju dijahit mengikut semangat diri pemakai	8
Barang tercicir di jalan tidak diambil	10
Bayang ular dalam cawan	12
Belajar berjalan di Han-Dan	14
Belajar dengan cahaya kelip-kelip	16
Berkik dan kima bergaduh , nelayan yang untung	17
Buka buku membawa manfaat	19
Burung dapat ditangkap di hadapan pintu.....	21
Bumi bunga Pic di luar dunia	23
Cermin pecah dicantumkan kembali	25
Dahan pokok kacang untuk memasak kacang.....	27
Gambaran buluh di dalam hati	29
Hilang kapak mengesyaki jiran	31
Ibu Mencius berpindah tiga kali	32
Katak di dalam perigi.....	34
Kedua pihak yang kalah dan terkorban.....	36
Kerja riang hidup bahagia	38
Lihat buah asam hentikan dahaga	40
Mata tiada lembu sempurna.....	42
Melukis biskut untuk menghilangkan kelaparan	44
Melukis ular tambah kaki	46
Memainkan alat muzik di hadapan lembu.....	48
Memotong tikar duduk berasingan	50

Memukul-mukul lalang menakutkan ular	52
Menelan buah kurma tanpa mengunyah	54
Mengukir sampan untuk mencari pedang	56
Meninggikan anak padi untuk membantu pertumbuhannya.....	58
Mengasah antan besi menjadi jarum.....	60
Menggunakan tombak sendiri untuk menusuk perisai sendiri.....	62
Menghayunkan kapak di depan pintu Lu Ban.....	64
Menghina diri merangkak di bawah kelangkang	66
Mengunjungi rumah tiga kali	68
Menunggu arnab di pangkal pokok.....	70
Mulut madu perut pedang	72
Orang baik yang berada di atas rasuk	74
Orang muda mudah dilentur.....	76
Orang tua bodoh meratakan gunung.....	79
Orang tua kehilangan kudanya , entah akan membawa tuah.....	81
Sebilah anak panah dua ekor helang	84
Seribu batu menghadihkan bulu angsa	86
Sikap diubah selepas tiga hari.....	88
Tidur di atas kayu api merasai hempedu.....	90
Tiga orang menjadi harimau.....	92
Lampiran	94

CERITA 1

Badan kambing dibaluti kulit harimau




Tersebut kisah seekor kambing yang menjumpai kulit harimau di dalam hutan. Kambing itu berasa sungguh gembira mendapat kulit harimau itu. Ia terus memakai kulit harimau itu dan merayau-rayau di sepanjang lereng bukit sambil meragut rumput seperti biasa.

Pada suatu hari, sedang kambing itu meragut rumput, ia ternampak seekor serigala datang dari jauh. Kambing itu pun terus lari untuk menyelamatkan diri sebab ia takut serigala itu akan memakannya. Ia lupa bahawa ia tidak perlu takut pada serigala itu kerana ia sekarang menyerupai seekor harimau. Namun demikian, kambing itu tidak lupa walau sesaat pun bahawa ia sebenarnya adalah seekor kambing.

Peribahasa ini membayangkan kepada kita bahawa seseorang itu tidak boleh menipu diri sendiri ataupun orang lain.

Baju dijahit mengikut semangat diri pemakai



Pada akhir pemerintahan Dinasti Sung tinggal seorang tukang jahit yang masyhur di bandar Beijing. Tukang jahit itu memang terkenal dengan jahitannya yang halus, cantik, kemas dan selesa.


Pada suatu hari, Maharaja menjemput tukang jahit itu ke istana untuk menjahit pakaian baginda. Tukang jahit itu bertanya kepada Maharaja itu sudah berapa lamakah baginda menjadi Maharaja. Maharaja berasa hairan mengapa tukang jahit itu bertanyakan soalan itu.

Tukang jahit itu kemudiannya menjelaskan mengapa dia bertanya demikian. Mengikut tukang jahit itu orang muda yang memegang jawatan tinggi mempunyai penuh keyakinan dan berjalan dengan gaya yang segak dan tampan. Oleh yang demikian, bajunya hendaklah dijahit panjang di bahagian hadapan dan pendek di bahagian belakang. Walau bagaimanapun, apabila sampai waktu bersara, semangatnya akan menjadi kurang dan gaya berjalannya pun lemah dan tidak bertenaga. Bajunya nanti perlu dijahit pendek di bahagian hadapan dan panjang di bahagian belakang. Jadi dia sebagai seorang tukang jahit perlu bertanyakan soalan ini. Jika tidak dia tidak akan dapat mengukur dengan ukuran yang tepat.

Cerita ini sebenarnya menunjukkan kebijaksanaan tukang jahit itu dari segi pengalaman dan pandangan hidupnya.

CERITA 3

Barang tercicir di jalan tidak diambil



Confucious adalah seorang ahli falsafah China yang terkenal dengan kebijaksanaan dan pengetahuannya. Kemasyhurannya menarik perhatian seorang bangsawan di negeri Lu yang merupakan tempat asal Confucious.

Ahli bangsawan itu menawarkan satu jawatan kanan dalam kerajaannya kepada Confucious dan dia menerimanya dengan gembira. Confucious sedar akan tanggungjawabnya terhadap kebajikan rakyat jelata. Oleh itu, setelah dia menjadi seorang pegawai kerajaan,

Confucious pun terus menggunakan pengetahuan dan teori pentadbirannya dalam urusan kerajaan negeri. Dia menghapuskan amalan yang tidak sihat dalam pentadbiran serta mengajar pegawai-pegawai dan rakyat supaya mengamalkan etika kerja dan cara hidup yang baik agar negeri mereka dapat dimajukan.

Lama-kelamaan, Confucious telah membuktikan bahawa teorinya itu benar dan praktikal. Di bawah pentadbirannya, banyak perubahan telah berlaku. Orang ramai mula mematuhi peraturan dan polisi kerajaan. Yang ketara ialah penjual daging yang biasa menaikkan harga dengan sesuka hati kini sudah menetapkan harga dengan adil dan berpatutan. Ajaran Confucious sungguh berkesan sehingga perompak-perompak menginsafi perbuatan mereka dan bertaubat.

Dalam tempoh setahun, negeri Lu menjadi aman dan makmur. Semua kemudahan asas telah dikemaskinikan. Cara pentadbiran Confucious telah menarik perhatian orang-orang dari luar negeri dan ramai yang datang untuk mempelajari cara-cara pentadbirannya.

Ahli bangsawan tersebut sungguh bangga dengan Confucious dan melantiknya menjadi Pengarah Pembinaan Awam sebelum dia dinaikkan pangkat menjadi Pengarah Undang-undang dan Keselamatan.

Walaupun Confucious seorang yang suka merendah diri dan murah hati, namun dia sangat tegas dalam menguatkuasakan undang-undang. Walau bagaimanapun, tidak ramai rakyat yang melanggar undang-undang negeri sehingga dikatakan sekiranya ada orang yang tercicir sesuatu barang di jalan, barang itu tidak akan diambil oleh orang lain.

Jadi peribahasa ini digunakan untuk menggambarkan sesuatu kawasan, kampung atau negeri yang masyarakatnya bermoral tinggi dan bebas daripada kejadian kecurian, rompakan dan penipuan.

CERITA 4

Bayang ular dalam cawan



Pada zaman pemerintahan Dinasti Jin di negeri China, ada seorang lelaki bernama Le Guang yang sangat suka bercakap. Pada suatu hari, dia teringatkan seorang saudaranya yang telah lama tidak berjumpa. Le Guang pun menyuruh orang gajinya menjemput

saudaranya itu datang minum arak di rumahnya.


Semasa di rumah Le Guang, saudaranya duduk bersama-sama Le Guang di satu meja minum arak. Semasa saudara Le Guang mengangkat cawannya untuk minum, dia ternampak seekor ular kecil di dalam cawan arak itu. Saudara Le Guang tetap meminum arak tersebut walaupun terasa tidak enak kerana takut Le Guang akan berkecil hati. Oleh kerana terlalu memikirkan perkara tersebut, akhirnya saudara Le Guang itu telah jatuh sakit.

Sebenarnya apa yang telah berlaku ialah Le Guang telah menggantungkan busar panah di dinding rumahnya dan apabila saudaranya mengangkat cawannya itu untuk minum, dia hanya nampak bayang panah tersebut di dalam cawannya. Le Guang menjelaskan perkara ini kepada saudaranya yang kemudian dijemput datang ke rumahnya sekali lagi. Perasaan yang menghantui fikiran saudaranya itu mulai berkurangan. Akhirnya dia pun pulih semula.

Cerita ini menerangkan kepada kita bahawa terdapat ramai orang yang suka membayangkan perkara yang bukan-bukan sedangkan perkara itu sebenarnya tidak wujud sama sekali.

CERITA 5

Belajar berjalan di Han-Dan



Pada zaman peperangan di negeri China, terdapat suatu tempat bernama Han-Dan. Pada masa itu, ada seorang pemuda mendapat tahu bahawa orang Han-Dan berjalan dengan gaya yang menarik. Maka pemu-

da itu berminat dan berniat untuk belajar gaya berjalan yang menarik itu. Demi merealisasikan niatnya, pemuda itu pun bersusah payah mengharungi pelbagai rintangan dan akhirnya sampai ke Han-Dan.

Di sana, pemuda itu pun mengikut-ikut di belakang orang Han-Dan dan meniru cara mereka berjalan. Akan tetapi, setelah lama belajar dia masih tidak dapat meniru gaya berjalan yang menarik, malah pemuda itu terlupa akan cara berjalan diri sendiri. Akhirnya dia terpaksa merangkak pulang ke negaranya.

Peribahasa ini memberitahu kita bahawa kita haruslah mempunyai prinsip dan gaya sendiri. Kalau kita sentiasa mengikut-ikut dan meniru-niru cara orang lain, maka kita akan kehilangan identiti diri sendiri.

Umpamanya, semasa kita di bangku sekolah, kita tidak perlu meniru-niru orang lain, sama ada meniru gaya pakaian atau gaya rambut serta kelakuan mereka, kerana semua ini tidak semestinya bersesuaian dengan kedudukan kita.

CERITA 6

Belajar dengan cahaya kelip-kelip



Pada zaman Dinasti Jin, ada seorang pemuda miskin yang sangat rajin belajar. Pada waktu malam biliknya sentiasa gelap kerana keluarganya tidak mampu untuk membeli minyak pelita. Akibatnya pemuda itu tidak boleh melakukan apa-apa kerja pada waktu malam. Pemuda itu merasa kecewa kerana dia banyak membazirkan masa, terutamanya pada waktu malam.

Pada suatu malam, sedang pemuda itu berehat di luar rumahnya, dia ternampak seekor kelip-kelip sedang terbang ke sana ke mari. Dengan tiba-tiba pemuda itu mendapat satu akal bagaimana dia boleh mendapat cahaya. Dia menangkap berpuluh-puluh ekor kelip-kelip lalu memasukkan mereka ke dalam beg kain sutera. Cahaya yang dikeluarkan oleh kelip-kelip itu dijadikan sebagai lampu.

Peribahasa ini menerangkan bahawa walaupun seseorang itu miskin tetapi jika dia bijak dan sanggup pula berusaha, dia pasti akan beroleh kejayaan di kemudian hari.